
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2005/2006

November 2005

HIA 101 – Pengantar Pengajian Islam

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi EMPAT muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja. DUA soalan daripada Bahagian A dan DUA soalan daripada Bahagian B.

...2/-

BAHAGIAN A

1. [a] Dalam definisi al-Sunnah, lima pecahan telah disenaraikan. Jelaskan pecahan-pecahan tersebut berserta contoh-contohnya.
[50 markah]
- [b] Berikan 3 bukti yang bersifat terkini bagi menyokong kenyataan bahawa al-Quran adalah mukjizat yang benar-benar daripada ALLAH.
[30 markah]
- [c] Huraikan bagaimana pengetahuan mengenai pembahagian al-Quran kepada *al-Makkiyyah* dan *al-Madaniyyah* membantu seseorang untuk lebih menghayati inti kandungan kitab agung tersebut.
[20 markah]
2. [a] *Isra'iliyyat* dalam banyak keadaan mengganggu kefahaman seseorang terhadap al-Quran. Jelaskan pecahan *Isra'iliyyat* dan kesan-kesan negatif untuk generasi kini dalam memahami al-Quran.
[40 markah]
- [b] Bincangkan peranan pengkajian *sanad* dan *matan* dalam mengenal pasti kesabitan sesuatu hadith Nabi s.a.w.
[40 markah]
- [c] Jelaskan istilah-istilah berikut:
[i] *Tauhid al-Rububiyah*. [10 markah]
[ii] *Tauhid al-Uluhiyyah*. [10 markah]
3. [a] Perkataan, perbuatan, keyakinan dan syak boleh membawa kepada kerosakan akidah. Berdasarkan kenyataan ini, jelaskan bagaimanakah perkara-perkara tersebut boleh merosakkan akidah?
[40 markah]

...3/-

- [b] Huraikan maksud *Tauhid al-Asma wa al-Sifat* dan asas-asas berpegang dengannya. [20 markah]
- [c] Jelaskan dua kepentingan beriktikad bahawa Nabi Muhammad s.a.w bersifat dengan sifat-sifat kemanusiaan. [20 markah]
- [d] Bagaimanakah anda menafikan bahawa *Nasikh* dan *Mansukh* dalam hukum-hukum syarak tidak menunjukkan kelemahan ALLAH, sebaliknya rahmat dan kebaikan untuk hamba-hambanya? [20 markah]

BAHAGIAN B

4. Qiyas merupakan salah satu kaedah penetapan hukum dalam syariat Islam. Berdasarkan kenyataan ini, jawab soalan-soalan berikut:
- [a] Jelaskan rukun-rukun qiyas serta berikan satu contoh bagi setiap satunya. [30 markah]
- [b] Jelaskan jenis-jenis qiyas serta berikan satu contoh bagi setiap satunya. [30 markah]
- [c] Berikan pandangan serta hujah anda tentang penggunaan qiyas sebagai satu kaedah penetapan hukum syara'. [40 markah]
5. Satu dari kekuatan syariat Islam ialah ia menggariskan prinsip-prinsip umum yang mesti dipatuhi dalam kehidupan *mu'amalat* manusia dalam pelbagai sektor. Berdasarkan kenyataan ini:
- [a] Huraikan dua keistimewaan syariat Islam. [40 markah]

[b] Jelaskan dua prinsip utama dalam *mu'amalat* ekonomi Islam.

[30 markah]

[c] Jelaskan dua prinsip utama dalam *mu'amalat* politik Islam.

[30 markah]

6. Pencemaran alam sekitar dan masalah jerebu boleh dikaitkan dengan sikap dan akhlak manusia dalam hubungannya dengan alam sekitar dan manusia lainnya. Huraikan konsep akhlak dalam Islam dan buktikan bagaimanakah penghayatan akhlak Islam yang syumul boleh memberi kesan yang positif ke atas sikap manusia terhadap alam sekitar keseluruhannya?

[100 markah]

- ooo 0 ooo -